



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 70

No. 1

**5hb Januari 2017**

*TAMBAHAN NO. 1*

*PERUNDANGAN*

---

---

**Tr. P.U. 1.**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(AKTA 172)

KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN ORANG YANG BOLEH  
MENYEDIA ATAU MENGEMUKA PELAN SERTA  
DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG  
(TERENGGANU) 2016

---

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

---

Kaedah-kaedah

1. Tajuk dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kelayakan orang yang boleh menyediakan atau mengemukakan pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang
4. Penyediaan laporan cadangan pemajuan
5. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL

---

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(AKTA 172)

KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN ORANG YANG BOLEH MENYEDIA ATAU  
MENGEMUKA PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG  
(TERENGGANU) 2016

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 58(1) dan perenggan 58(2)(h) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Tajuk dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kelayakan Orang Yang Boleh Menyedia Atau Mengemuka Pelan Serta Dokumen Untuk Kebenaran Merancang (Terengganu) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“Arkitek Profesional” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepada “Professional Architect” oleh Architects Act 1967 [*Akta 117*];

“Jurutera Profesional” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepada “Professional Engineer” oleh Registration Of Engineers Act 1967 [*Akta 138*];

“Juruukur Tanah Berlesen” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepada “licensed land surveyor” oleh Licensed Land Surveyors Act 1958 [*Akta 458*];

“Perancang Bandar berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*]; dan

“perubahan material” ertinya perubahan material yang disebut di bawah subseksyen 2(2) dan subseksyen 2(3) Akta.

**Kelayakan orang yang boleh menyedia atau mengemuka pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang**

3. Kelayakan mana-mana orang untuk sesuatu permohonan kebenaran merancang di bawah subseksyen 21(1) Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual.

### Penyediaan laporan cadangan pemajuan

4. Bagi setiap kategori yang memerlukan penyediaan laporan cadangan pemajuan di bawah seksyen 21A Akta, laporan tersebut hendaklah disediakan oleh Perancang Bandar berdaftar.

### Kuasa untuk meminda Jadual

5. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa meminda mana-mana bahagian pada Jadual.

JADUAL

	Jenis kebenaran merancang	Kelayakan orang yang boleh menyedia atau mengemuka pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang
(a)	<p>Kebenaran Merancang Penggunaan Tanah atau Perihal Tanah</p> <p>Untuk memecah sempadan atau memecah bahagi kawasan tidak melebihi 5 petak pecahan atau unit kediaman sahaja.</p>	<p>(i) Perancang Bandar berdaftar;</p> <p>(ii) Juruukur Tanah Berlesen; atau</p> <p>(iii) Arkitek Profesional</p>
(b)	<p>Kebenaran Merancang Kerja Bangunan</p> <p>(i) Untuk mendirikan atau membina atau menjalankan di atas tanah suatu bangunan atau bangunan-bangunan atau kerja-kerja melibatkan—</p> <p>(a) kawasan tidak melebihi 2 hektar; atau</p> <p>(b) tidak melebihi 60 unit;</p> <p>dan tidak melibatkan kawasan sensitif alam sekitar.</p> <p>(ii) Untuk mendirikan semula atau meruntuhkan suatu bangunan.</p>	<p>(i) Perancang Bandar berdaftar;</p> <p>(ii) Arkitek Profesional; atau</p> <p>(iii) Arkitek Profesional dan Perancang Bandar berdaftar disediakan secara bersama</p> <p>(i) Perancang Bandar berdaftar;</p> <p>(ii) Arkitek Profesional; atau</p> <p>(iii) Jurutera Profesional dan Perancang Bandar berdaftar disediakan secara bersama</p>

	Jenis kebenaran merancang	Kelayakan orang yang boleh menyediakan atau mengemuka pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang
(c)	<p>Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Tanah</p> <p>Untuk perubahan material penggunaan tanah atau pertambahan keluasan tempat untuk melonggokkan bahan buangan atau tempat melonggokkan sampah sarap.</p>	<p>(i) Perancang Bandar berdaftar; atau</p> <p>(ii) Jurutera Profesional</p>
(d)	<p>Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan</p> <p>Untuk perubahan penggunaan bangunan kepada kategori tertentu di atas tanah yang melibatkan penambahan bilangan unit dalam bangunan atau pengubahan kegunaan bangunan atau tambahan bahagian bangunan.</p>	<p>(i) Perancang Bandar berdaftar;</p> <p>(ii) Arkitek Profesional; atau</p> <p>(iii) Arkitek Profesional dan Perancang Bandar berdaftar disediakan secara bersama</p>
(e)	<p>Kebenaran Merancang Kerja-Kerja Kejuruteraan, Perlombongan atau Perindustrian</p> <p>Untuk menjalankan kerja-kerja tanah, kerja-kerja kejuruteraan, perlombongan, kuari atau perindustrian.</p>	<p>(i) Perancang Bandar berdaftar;</p> <p>(ii) Jurutera Profesional; atau</p> <p>(iii) Jurutera Profesional dan Perancang Bandar berdaftar disediakan secara bersama</p>

Bertarikh: 2 Januari 2017

[SUK.TR.(R) 572/399 Bhg.25-(2)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
 Terengganu*

---

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(ACT 172)

QUALIFICATION OF PERSON FOR PREPARING OR SUBMITTING PLAN  
AND DOCUMENT FOR PLANNING PERMISSION  
(TERENGGANU) RULES 2016

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rules

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Qualification of person for preparing and submitting plan and document for planning permission
4. Preparing development proposal report
5. Power to amend Schedule

SCHEDULE

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(ACT 172)

QUALIFICATION OF PERSON FOR PREPARING OR SUBMITTING PLAN  
AND DOCUMENT FOR PLANNING PERMISSION  
(TERENGGANU) RULES 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 58(1) and paragraph 58(2) (h) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], the State Authority of Terengganu makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Qualification Of Person For Preparing And Submitting Plan And Document For Planning Permission (Terengganu) Rules 2016**.

(2) These Rules shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In these Rules unless the context otherwise requires—

“Act” means the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*];

“Professional Architect” has the meaning assigned to it in the Architects Act 1967 [*Act 117*];

“Professional Engineer” has the meaning assigned to it in the Registration Of Engineers Act 1967 [*Act 138*];

“Licensed Land Surveyor” has the meaning assigned to it in the Licensed Land Surveyors Act 1958 [*Act 458*];

“registered Town Planner” has the meaning assigned to it in under subsection 15(3) of the Town Planners Act 1995 [*Act 538*]; and

“material change” means the material change mentioned under subsection 2(2) and 2(3) of the Act.

**Qualification of person for preparing or submitting plan and document for planning permission**

3. Qualification of any person for an application for planning permission under subsection 21(1) of the Act shall be as specified in the Schedule.

**Preparation of development proposal report**

4. For every development which requires the preparation of development proposal report under section 21A of the Act, the report shall be prepared by the registered Town Planner.

**Power to amend Schedule**

5. The State Authority may from time to time amend any part of the Schedule.

## SCHEDULE

	Type of planning permission	Qualification of person for preparing or submitting plan and document for planning permission
(a)	Planning Permission For Land Use Or Land Matters  For subdivision or partition of area not exceeding 5 residential plots or units.	(i) registered Town Planner; (ii) Licensed Land Surveyor; or (iii) Professional Architect

	Type of planning permission	Qualification of person for preparing or submitting plan and document for planning permission
(b)	<p>Planning Permission For Building Works</p> <p>(i) For erecting or constructing or establishing on the land a building or buildings or works which involved the area—</p> <p>(a) not exceeding 2 hectares; or</p> <p>(b) not exceeding 60 units;</p> <p>and does not involve the environmental sensitive area.</p> <p>(ii) For re-erecting or demolishing a building.</p>	<p>(i) registered Town Planner;</p> <p>(ii) Professional Architect; or</p> <p>(iii) Professional Architect and registered Town Planner prepared jointly</p> <p>(i) registered Town Planner;</p> <p>(ii) Professional Architect; or</p> <p>(iii) Professional Engineer and registered Town Planner prepared jointly</p>
(c)	<p>Planning Permission For Material Change Of Land Usage</p> <p>For material change of land usage or to increase the immensity area for dumping of waste or garbage.</p>	<p>(i) registered Town Planner; or</p> <p>(ii) Professional Engineer</p>
(d)	<p>Planning Permission For Material Change Of Building Usage</p> <p>For material change of building usage of the specific category on the land involving the increase number of unit in the building or the change of building usage or additional parts of the building.</p>	<p>(i) registered Town Planner;</p> <p>(ii) Professional Architect; or</p> <p>(iii) Professional Architect and registered Town Planner prepared jointly</p>

	Type of planning permission	Qualification of person for preparing or submitting plan and document for planning permission
(e)	<p>Planning Permission For Engineering Work, Mining or Industry</p> <p>To carry out earthworks, engineering work, mining, quarry or industry.</p>	<p>(i) registered Town Planner;  (ii) Professional Engineer; or  (iii) Professional Engineer and registered Town Planner prepared jointly</p>

Made: 2 January 2017

[SUK.TR.(R) 572/399 Bhg.25-(2)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Secretary*  
*of the State Legislative Assembly of*  
*Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA